

07/09/1998

Prasangka media asing meleset

PELUCUTAN Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada jawatan Kabinet, Rabu lalu, sebagaimana dilaporkan oleh media asing, banyak dikaitkan dengan pertentangan pandangan antara Timbalan Perdana Menteri itu dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai pengurusan ekonomi Malaysia. Bekas Menteri Kewangan itu juga dikatakan enggan menerima cadangan kerajaan supaya sistem ekonomi Malaysia dikawal sendiri sebaliknya bertegas ia mesti ditentukan oleh kuasa pasaran. Media asing melaporkan, Anwar yang sedia maklum kuat mendukung dan mempertahankan saranan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia, mahu Malaysia menurut kehendak badan dunia itu. Manakala Perdana Menteri pula dikatakan cenderung kepada langkah drastik beliau yang disesuaikan dengan keperluan dan kehendak negara serta rakyat. Lantaran pertembungan pendapat yang tidak dapat dielakkan itu, Dr Mahathir dikatakan media asing, tidak mempunyai pilihan selain melucutkan jawatan timbalannya itu. Pelbagai dakwaan salah laku yang dikemukakan polis, kononnya hanya alasan terselindung Dr Mahathir memecat Anwar.

Media asing adalah pendukung kuat kepada prinsip dan falsafah Barat. Bagi mereka apa jua tindakan disarankan oleh Barat harus diterima pakai terutama oleh negara mundur dan membangun kerana ia dianggap prinsip terbaik dan terbukti berjaya menangani masalah antarabangsa. Justeru, menolak pegangan lama Barat yang dianggap banyak berjasa bererti memperkecilkan kebolehan mereka. Jika pelucutan Anwar dikaitkan dengan keengganan Dr Mahathir menerima pelbagai saranan IMF dan Bank Dunia, tentulah akan menjejaskan kewibawaan badan kewangan itu yang selama ini dijulang sebagai penyelamat ekonomi dunia. Sehubungan itu, untuk melindungi dasar Barat itu tidak dikecam dan terus diyakini dunia, media asing bersungguh-sungguh menggambarkan pelucutan Anwar lebih kepada sikap keras Dr Mahathir menentang sepenuhnya langkah pemulihan yang dibawa Anwar dan bukan sebab-sebab lain. Anwar juga dilabelkan sebagai timbalan kepada Dr Mahathir yang tidak sekali-kali tunduk apatah lagi menyetujui sebarang pelaksanaan pemulihan ekonomi jika ia tersasar daripada apa yang war-warkan oleh IMF.

Tidak ketinggalan, media asing juga mengaitkan faktor kemasukan semula Tun Daim Zainuddin ke dalam Kabinet sebagai antara sebab Anwar terpaksa diketepikan. Namun, Daim yang dianggap rapat dengan Dr Mahathir jelas mempunyai cara tersendiri mengurus ekonomi ketika zaman meleset. Apatah lagi rekod kemampuannya sudah terbukti. Selepas menjadi Menteri Kewangan pada 1984, daripada 1.1 peratus pada tahun itu, Malaysia mencatatkan pertumbuhan ekonomi 8.9 peratus pada 1989. Daim terus merintis jalan memulihkan ekonomi Malaysia sebelum diambil Anwar pada 1991 ketika ekonomi negara mula berada di ambang kemewahan.

Media asing juga melaporkan kemasukan Daim sebagai berjaya menyingkap pelbagai kelemahan pengurusan ekonomi yang dikemukakan Anwar berasaskan fahaman lapuk IMF. Apatah lagi apabila pelbagai cadangan dikemukakan oleh Menteri Tugas-Tugas Khas itu menerusi Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), dapat diterima, praktikal dan menjurus kepada bibit-bibit pemulihan ekonomi negara yang lebih setahun tidak bergerak sebaliknya terus menguncup.

Kelmarin, Anwar menyatakan beliau bersependapat dengan Dr Mahathir mengenai kelemahan sistem kewangan dunia. Beliau bersetuju dengan Perdana Menteri berhubung langkah mengejut mengawal kawalan tukaran asing dan

menyekat pengaliran modal bagi membanteras kegiatan spekulator yang tidak langsung diambil peduli oleh IMF. Lantaran itu, beliau mengakui tindakan Dr Mahathir itu paling tepat dan betul.

Pengakuan Anwar itu jelas menolak laporan media asing bahawa pelucutan kedua-dua jawatannya kerana pertentangan pandangan dengan Perdana Menteri berhubung pengurusan ekonomi negara. Anwar sebelum ini juga sudah kerap kali menjelaskan apa jua tindakan menguruskan negara dibuat bukan mengikut kehendaknya saja sebaliknya selepas berbincang dan mendapat restu Dr Mahathir dan Kabinet. Pengakuan Anwar itu kelmarin, secara langsung mengesahkan kenyataan Dr Mahathir bahawa pemecatan kedua-dua jawatan itu dan Timbalan Presiden Umno itu tidak ada kena mengena dengan kerajaan sebaliknya adalah masalah parti. Justeru, prasangka media asing mengenai tiada persefahaman mengurus negara antara Anwar dan Dr Mahathir adalah meleset. Ia adalah propaganda mereka menutup kelemahan prinsip Barat yang sudah jauh ketinggalan zaman.

(END)